

# Cara tarik banyak lagi minat ke atas silat

*1* *PENCAK SILAT* *3*  
PARA pesilat hendaklah berusaha membuat persembahan yang baik dan bermutu tinggi sekiranya mereka hendak menarik lebih banyak minat terhadap seni silat Melayu.

Setiausaha Parlimen Perdagangan dan Perusahaan merangkap Halehwal Masyarakat, Haji Sidek Saniff berkata demikian sambil menegaskan bahawa dalam mencapai matlamat itu, para pesilat haruslah membaiki mutu persembahan silat lahir mereka.

6 APR 1982  
Bagi yang batinnya pula, para pesilat itu hendaklah menyimpannya untuk kegunaan sendiri dan bukan untuk ditunjukkan.

## Filem sejarah

Berucap semasa merasmikan *Hari Silat Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit)* di Sekolah Menengah Mayflower petang kemarin, Haji Sidek berkata:

"Usaha ke arah memajukan seni silat itu mestilah berlandaskan keislaman kerana sebagai orang Islam, jika kita berbuat sesuatu yang bertentangan dengan Islam tidak akan ada kemajuan.

"Kalau pun ada kemajuan, ia hanyalah palsu."

Beliau kemudian membayangkan harapannya supaya ada seorang penerbit filem Melayu yang akan mengeluarkan filem tentang sejarah silat Melayu seperti filem Cina "*Shaolin Temple*" yang sedang ditayangkan sekarang.

Menyentuh mengenai seni mempertahankan diri secara umum di Singapura, Haji Sidek berkata ia adalah lebih merupakan sebagai pelangi.

Jika sebuah pelangi memerlukan berbagai pancaran warna untuk menjadikannya fenomena yang disebut pelangi itu, maka seni mempertahankan diri ala Singapura pula merupakan pergabungan silat-silat yang berbeza.

## Pesilat cemerlang

Haji Sidek kemudian menyampaikan Selindang Jasa Bakti kepada guru-guru kumpulan silat yang diajarkan di bawah naungan Perwanit — Silat Gayong, Seni Silat Macan Pasrah, Silat Kebatinan Gagak Sakti dan Silat Seni Pokolan.

Di samping itu, seramai 17 orang pesilat telah diberikan anugerah sebagai pesilat cemerlang termasuk seorang pesilat terbaik oleh Haji Sidek.

Sementara itu, Yang Dipertua Perwanit, Encik Johari H.M. Uriff, berkata Hari Silat itu adalah merupakan salah satu acara sempena hari ulangtahun ke-25 persatuan itu.

"Kami akan mengadakan acara makan malam pada 31 Julai depan di Hotel Cockpit sebagai acara kemuncak sambutan ulangtahun persatuan kami," tambah beliau lagi.

## Kejohanan Silat Gayong

*1* *PENCAK -* *3*  
KEJOHANAN Silat Gayong 1982 antara balai rakyat akan diadakan pada 16 dan 17 April di Balai Rakyat Pasir Panjang, mulai 7.30 malam. Anggota Parlimen Pasir Panjang, Encik Abbas Abu Amin akan menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang di majlis penutup (17 April).

## Lima BR sertai pertandingan silat olahraga

*1* *PENCAK SILAT*  
LIMA buah balai rakyat akan mengambil bahagian dalam pertandingan silat antara balai-balai rakyat, yang akan dianjurkan buat pertama kalinya hari ini dan esok mulai 7.30 malam. 16 APR 1982

Kelima-lima balai itu ialah Balai-balai Rakyat Pasir Panjang, Dover Road, Jalan Pagak, Ghim Moh dan Cairnhill.

Atas anjuran Persatuan Rakyat (PA) dengan kerjasama Perkumpulan Anak-anak Sandiwara Angkatan Kesenian Singapura (Pasak), pertandingan itu, dijangka melibatkan kira-kira 50 orang pesilat.

Menurut Penolong Bendahari Pasak yang juga Setiausaha jawatankuasa pertandingan itu, Encik Yahya Bujang, semua pesilat itu akan menggunakan silat gayong yang sesuai seba-

gai sejenis silat olahraga. Ini adalah kerana silat tersebut tidak mempunyai banyak 'bunga-bunganya', kata Encik Yahya, sambil menambah bahawa pertandingan tersebut diharapkan dapat menambah minat orang ramai terhadap silat sebagai sukan.

Pertandingan silat itu dibahagikan kepada empat bahagian iaitu untuk pria dewasa, pria remaja, wanita dewasa dan wanita remaja.

Semua acara pertandingan itu akan dijalankan di Balai Rakyat Pasir Panjang di Km 8, Pasir Panjang Road.

Seramai enam orang wasit dan pengadil telah diundang untuk pertandingan itu. Mereka terdiri dari Encik-encik Shuib Selamat, Abdul Rahman Latiff, Khalid Saat, Rahim Hussein, Sarkawi Haji Matsom dan Encik Yahya sendiri.